



94-3800

SABAH  
NEGERI DI BAWAH BAYU

TEON LEE KIM  
NORZIMA

M  
959.521  
TEO

APB

712160

16 AUG 1994

NASKAH PEMULIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Goodmark Enterprise  
Kuala Lumpur

## **Goodmark Enterprise**

29A, Jalan Jejaka Lima,  
Taman Maluri, Jalan Cheras,  
55100 Kuala Lumpur.  
Tel: 9828198

Cetakan Pertama 1994  
ISBN 983-9849-13-1 (SIRI)

### **AMARAN ATAS HAKCIPTA**

Semua terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit

Dicetak oleh:  
LC Marketing  
Selangor

## *Prakata*

Negara Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang indah lagi unik dengan masyarakat yang berbilang kaum dan kebudayaan. Bagaimanapun, golongan muda hari ini tidak begitu kenal akan negara sendiri.

Oleh itu buku-buku dalam siri ini cuba mendedahkan pengetahuan terkini tentang negara. Aspek-aspek seperti sejarah, pembangunan dan sebagainya dibincang dengan terperinci.

Sudah tentu buku ini dapat memberi pengetahuan dan seterusnya menimbulkan perasaan sayang kepada negara.



## **NEGERI DI BAWAH BAYU**

### **Pengenalan**

Negeri Sabah terletak di Borneo Utara. Sabah berkongsi sempadan dengan Sarawak dan Kalimantan. Negeri Sabah dikenali sebagai 'Negeri Di Bawah Bayu'. Nama ini diberikan oleh kelasi-kelasi kapal pada zaman dahulu kerana kedudukannya yang terletak di bawah kawasan angin taufan.

Sabah adalah kawasan yang bergunung-ganang dengan hutan tropika. Ibu negeri Sabah, Kota Kinabalu adalah pintu masuk ke Malaysia dari timur. Kota Kinabalu dulunya bernama Jesselton.

Kota Kinabalu yang bermula dari sebuah kawasan

pepesisiran pantai yang dipenuhi belukar telah bertukar menjadi sebuah bandar besar yang sibuk. Selain mempunyai kedudukan pelabuhan yang baik, Kota Kinabalu mempunyai sebuah lapangan terbang antara-bangsa yang unik.

## **Sejarah**

Sejarah penemuan Sabah bermula pada tahun 1292. Satu ekspedisi yang telah dihantar oleh Kublai Khan ada menyebut tentang kawasan yang dinamakan Chinabatangan. Sekarang panggilan itu telah diubah kepada Kinabatangan.

Nama Sabah sebenarnya mula digunakan dalam abad ke-15 oleh pelaut dan pedagang pada zaman dahulu. Perkataan 'Sabah' dikatakan berasal daripada pisang Saba yang sekarang disebut pisang menurun. Di kalangan masyarakat Bajau menyebutnya sebagai pisang Jaba. Masyarakat Bajau kebanyakannya menanam pisang jenis ini sebagai makanan mereka. Lama-kelamaan perkataan 'saba' telah bertukar menjadi 'Sabah'.

Terdapat beberapa andaian lagi yang mengata-



*Bandar Kota Kinabalu*



kan asal perkataan 'Sabah'. Maxwell Hall, penulis Inggeris telah membandingkan Sabah dengan Shaba di Yaman. Menurut beliau, kedua-dua perkataan itu sedap didengar. Perkataan-perkataan itu ada kaitan dengan bau-bauan, emas dan permata. Hall menyatakan nama Sabah, Saba dan Sebca adalah ejaan yang berlainan bagi nama yang sama.

Nama Sabah telah digunakan sebelum kedatangan British ke Pulau Borneo lagi. Orang British tidak gemar menggunakan nama 'Sabah' dan menukarkannya kepada North Borneo (Borneo Utara). Nama 'Sabah' hanya digunakan apabila negeri itu menyertai Malaysia dalam tahun 1963.

Dalam masa Sabah di bawah kuasa Kompeni Berpiagam berlaku peperangan antara rakyat Sabah dengan pihak pemerintah. Pemberontak-pemberontak Sabah diketuai oleh Mat Salleh. Peperangan antara mereka berlaku dari tahun 1894 hingga 1900. Mat Salleh dianggap oleh rakyat Sabah sebagai seorang yang berani dan kuat semangat.

Pada 31 Januari, 1900, Mat Salleh telah ditembak mati dalam satu pertempuran di Tambunan. Mayatnya

telah dikebumikan oleh pengikut-pengikut beliau di tempat dia dibunuh.

Pada tahun 1899, Walker seorang juru ukur di Sabah telah mendirikan sebuah bandar baharu. Bandar ini diberi nama Api-Api. Di kalangan masyarakat Sabah, mereka memanggilnya Singgah Mata.

Kemudian nama ini telah ditukar kepada nama Jessel Town sempena nama Sir Charles Jessel. Kerajaan British, North Borneo Company bertanggungjawab di atas pertukaran nama bandar ini. Kemudian nama tersebut telah disingkatkan kepada "Jesselton".

Pada tahun 1942, negeri Sabah telah diserang oleh Jepun. Beberapa pemberontakan telah dilakukan oleh rakyat Sabah. Rakyat Sabah tidak mahu negeri mereka dijajah oleh Jepun.

Akhirnya pada tahun 1947, Jesselton telah dijadikan ibu negeri Sabah. Beberapa rancangan disusun untuk membangunkan Sabah semula. Pada tahun 1950, pelbagai perubahan telah diadakan di Sabah.

Pada tahun 1961, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Beliau telah mencadangkan supaya negeri Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 16 September, 1963, suatu upacara gilang-gemilang diadakan di padang bandar Kota Kinabalu. Penubuhan Malaysia telah diumumkan kepada rakyat Sabah.

Setelah merdeka melalui Malaysia, kerajaan Sabah telah menukar semua nama tempat dan jalan di sekitar bandar Jesselton. Nama bandar Jesselton itu sendiri telah ditukar kepada Kota Kinabalu sempena nama Gunung Kinabalu. Pertukaran nama itu berkuatkuasa pada 22 Disember, 1967.

## **Geografi**

Sabah mempunyai keluasan 73 711 kilometer persegi. Sabah merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak. Dari segi geografi, negeri Sabah terletak di tengah-tengah Kepulauan Melayu dan di utara Pulau Borneo. Pulau Borneo ada-

lah pulau yang terbesar di dunia. Sabah dan Sarawak menjadi sempadan antara Malaysia dengan Indonesia di Pulau Borneo atau Kalimantan, Indonesia.

Perairan Sabah terdiri daripada kawasan Laut China Selatan di sebelah barat dan utara manakala Laut Sulu dan Laut Sulawesi di timur. Ini menyebabkan Sabah adalah sebuah negeri yang mempunyai lokasi dan rantau yang paling penting dalam pergolakan sejarah.

Bentuk muka bumi Sabah bergunung-ganang. Sabah ditumbuhi hutan belantara yang tebal menghijau. Dalam hutan Sabah terdapat berjenis-jenis hidupan liar. Dianggarkan ada 175 jenis hidupan liar di dalam hutan ini.

Di Sabah, Banjaran Crocker merupakan banjaran yang terpanjang. Banjaran ini telah memisahkan bahagian barat dan timur Sabah. Di pedalaman Sabah pula terdapat tiga buah dataran.

Dataran-dataran ini terdiri daripada Dataran Tenom, Dataran Keningau dan Dataran Tambunan. Dataran Tenom mempunyai tanah pamah yang subur di se-

belah barat manakala Dataran Keningau ditumbuhi padang dan belukar. Dataran Tambunan sebahagian besarnya digunakan untuk bersawah padi.

Gunung Kinabalu adalah gunung yang tertinggi di Malaysia dan di Asia Tenggara. Gunung ini juga merupakan yang kelima tinggi di dunia. Tinggi gunung Kinabalu mencapai 4101 meter.

Di kaki gunung ini terdapat hutan tebal yang telah dijadikan Taman Negara. Taman Negara ini menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri. Terdapat beberapa jenis hidupan liar mendiami hutan ini. Antaranya ialah Orang Utan, Badak Sumatra dan Kera Hantu.

Terdapat beberapa jenis tumbuh-tumbuhan yang hidup di hutan Sabah ini. Kebanyakannya tidak terdapat di tempat-tempat lain di dunia. Antaranya ialah jenis kembang besar seperti Rafflesia dan jenis kecil seperti periuk kera dan paku pakis.

Dari segi saliran, terdapat banyak sungai yang berliku-liku di negeri ini. Antara sungai yang utama ialah Sungai Kinabatangan, Sungai Sugut, Sungai



*Gunung Kinabalu menjadi kemegahan rakyat Sabah*

Segama, Sungai Paitau dan Sungai Kalabakan. Sungai Kinabatangan merupakan sungai yang terpanjang di Sabah (563 kilometer).

Sabah beriklim tropika. Suhu di negeri Sabah biasanya tidak melebihi 32.2°C dengan purata hujan tahunan antara 1524 ml hingga 3048 ml. Angin Monsun Timur Laut bertiup dari bulan Oktober hingga Mac manakala angin Monsun Barat Daya bertiup dari bulan Mei hingga September.

### **Pentadbiran**

Negeri Sabah ditadbir oleh seorang Ketua Menteri. Di bawah Ketua Menteri terdapat tiga orang Timbalan Ketua Menteri. Mereka dibantu oleh sembilan orang pembantu menteri. Pemerintah tertinggi ialah Yang Dipertua Negeri. Beliau bertanggungjawab terhadap semua enakmen negeri dengan nasihat jemaah kabinet. Yang Dipertua Negeri Sabah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Negeri Sabah dibahagi kepada lima bahagian pentadbiran. Bahagian-bahagian ini dahulu dipanggil Residensi. Di bawah bahagian-bahagian ini terdapat

20 buah daerah penuh, enam daerah kecil dan tiga majlis perbandaran.

Bahagian-bahagian ini adalah Pantai Barat, Pedalaman, Tawau, Sandakan dan Kudat. Antara daerah-daerah yang terkenal ialah Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Tuaran, Beaufort, Keningau, Kota Belud, Semporna, Kudat, Tawau, Sandakan dan Sipitang.

Ibu negeri Sabah ialah Kota Kinabalu. Perkhidmatan udara, laut dan darat menghubungkan beberapa bandar utama dengan bandar-bandar lain di Sabah dan di dunia.

Sabah juga mempunyai satu rangkaian perhubungan keretapi. Jalan keretapi ini menghubungkan Kota Kinabalu dan Tawau sejauh 139.2 kilometer. Keretapi mengangkut penumpang dan barang-barang di antara dua kawasan tadi.

Perhubungan laut juga antara perkhidmatan yang penting di Sabah. Sabah mempunyai tujuh buah pelabuhan iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Kudat, Lahad Datu, Kunak, Tawau dan Teluk Sepangar.



Pelabuhan Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau merupakan pelabuhan utama di Sabah.

## **Penduduk**

Dari segi sejarah dan budaya, negeri Sabah mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai suku dan kaum. Mereka terdiri daripada 35 suku kaum. Kaum-kaum ini mempunyai adat resam, kebudayaan dan agama masing-masing.

Mengikut bancian tahun 1990, penduduk Sabah berjumlah 1 517 400 orang. Sebanyak 74.4% (1990) daripada mereka tinggal di bandar manakala 25.6% (1990) tinggal di luar bandar.

Antara kaum-kaum yang terdapat di Sabah ialah Kadazan, Bajau dan Murut. Kaum-kaum lain di Sabah berjumlah 14.8% (1990). Mereka terdiri daripada kaum Cina, India, Indonesia dan lain-lain.

Dari segi taraf hidup, umumnya rakyat Sabah menikmati kehidupan yang mewah. Ini adalah hasil usaha kerajaan yang sentiasa ingin meninggikan taraf hidup dan ekonomi mereka. Usaha-usaha ini banyak

tertumpu kepada kaum Bumiputera melalui bantuan pendidikan, bimbingan, perniagaan dan sebagainya.

Bahasa pertuturan di negeri Sabah adalah pecahan daripada bahasa Melayu. Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi manakala dialek tempatan dijadikan bahasa pertuturan seharian.

Agama Islam dijadikan agama rasmi di Sabah. Agama lain juga bebas dianuti penduduk negeri ini. Sungguhpun terdapat perbezaan agama dan kaum, namun rakyat Sabah sentiasa hidup dalam harmoni.

## **Ekonomi**

Satu lagi keistimewaan Sabah ialah kegiatan ekonomi rakyatnya. Hasil eksport Sabah yang terpenting ialah balak. Hutan negeri ini kaya dengan pelbagai jenis pokok kayu yang bermutu tinggi.

Sabah merupakan negeri yang paling banyak mengeluarkan hasil kayu balak di Malaysia. Dari segi nilai eksport, Sabah menduduki tempat ketiga dalam pengeluaran kayu balak bergergaji. Oleh sebab itu, sektor perhutanan menjadi tulang belakang ekonomi

negeri Sabah. Langkah-langkah tertentu sentiasa diambil agar sumber hutan ini tidak pupus.

Selain balak, minyak kelapa sawit adalah antara bahan eksport pertanian yang utama. Minyak kelapa sawit menduduki tempat keempat penting dalam senarai eksport utama Sabah. Pengeksportan minyak kelapa sawit ini mendatangkan keuntungan kepada negeri Sabah selain kayu balak.

Petroleum mula ditemui pada tahun 1973 di Semarang, berdekatan Pulau Labuan oleh Sabah Shell. Selain petroleum mentah, metanol dan besi keluli juga dikeluarkan. Antara bahan asli yang terdapat di Sabah ialah tembaga dan gas asli. Sabah merupakan pengeluar tunggal tembaga di Malaysia.

Lombong tembaga terletak di Mamut, Ranau. Kawasan ini dianggarkan mempunyai tembaga mentah tersimpan sebanyak 83 juta tan. Kerja perlombongan tembaga ini adalah projek usahasama Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dengan pelabur Jepun.

Selain rancangan pembangunan perlombongan,

negeri Sabah juga memajukan sektor pertanian. Sehingga awal tahun 1970-an, getah menjadi eksport pertanian yang utama di negeri ini. Dalam tahun 1985, kawasan tanaman getah adalah seluas 112 091 hektar. Kawasan penanaman getah yang utama ialah di bahagian Pedalaman, Pantai Barat dan Tawau.

Selain getah, Sabah juga merupakan pengeluar utama koko. Kini koko merupakan bahan eksport yang kelima penting selepas kayu balak, petroleum, kayu bergergaji dan kelapa sawit.

Penanaman padi juga merupakan aktiviti utama penduduk bumiputera Sabah. Kawasan penanaman padi yang utama ialah Kota Belud, Papar, Keningau dan Tuaran. Penanaman padi dijalankan dua kali setahun dengan bantuan sistem tali air.

Negeri Sabah juga memajukan sektor perikanan. Kerajaan negeri telah membina empat buah kompleks perikanan iaitu di Sipitang, Kuala Penyu, Papar dan Semporna. Selain itu, beberapa buah agensi perikanan juga ditubuhkan untuk membantu kerajaan memajukan sektor perikanan di negeri ini. Antaranya ialah Koperasi Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-

NELAYAN) dan Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA).

Sebahagian daripada tangkapan ikan negeri ini dieksport. Kerajaan juga memberi subsidi kepada penternak-penternak ikan air tawar. Sabah menjalankan ternakan udang Harimau. Projek ini terletak di Umas-Umas kira-kira 80.5 kilometer dari Tawau. Ini adalah projek yang utama di Asia Tenggara dan yang terbesar di dunia.

Dalam bidang perindustrian, Sabah agak ketinggalan jauh daripada Semenanjung Malaysia. Walaupun begitu, kerajaan negeri sentiasa merancang perkembangan sektor ini. Pelbagai cara telah dilakukan untuk menarik pelabur asing datang melabur ke negeri ini.

Kebanyakan aktiviti industri tertumpu kepada perdagangan dan pembuatan hasil-hasil keluaran mentah negeri ini. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) bertanggungjawab dalam memajukan sektor ini.

Hasil keluaran hutan telah menggalakkan penu-

buhan kilang-kilang memproses hasil-hasil hutan. Kilang-kilang itu ialah kilang papan lapis dan kertas di Sipitang dan Lahad Datu dan kilang memproses rotan di Keningau.

Hasil pertanian seperti minyak kelapa sawit, koko, tepung, teh, getah dan sebagainya turut memajukan sektor perindustrian di Sabah. Usaha menggalakkan penubuhan industri-industri kecil kraf tangan terus dijalankan oleh kerajaan di kawasan luar bandar. Antara usaha kerajaan ialah mengadakan kursus-kursus kraf tangan.

Selain itu, industri pelancongan juga turut dimajukan. Hotel-hotel terkemuka banyak dibina untuk menampung permintaan pelancong-pelancong yang datang dari dalam dan luar negeri. Bilangan pelancong yang datang juga bertambah setiap tahun.

## **Kebudayaan**

Sabah kaya dengan kebudayaan. Perbezaan-perbezaan kecil yang wujud dalam budaya tiap-tiap suku adalah kesan pengaruh alam sekeliling dalam kehidupan mereka. Pada asasnya, kebudayaan suku kaum

di Sabah berasal daripada satu rumpun iaitu kebudayaan Melayu yang menjadi teras kepada kebudayaan masyarakat Sabah.

Dari segi perayaan, terdapat satu perayaan utama dan penting bagi masyarakat peribumi Sabah. Pada bulan Mei setiap tahun, suku kaum Kadazan-Dusun dan rakyat Sabah yang lain akan berkumpul untuk menyambut Pesta Menuai. Dalam bahasa Kadazan pesta ini dipanggil 'Tadau Kaamatan'. Pesta ini berkait rapat dengan amalan dan kepercayaan suku kaum ini.

Pesta menuai diadakan selama dua hari. Hari-hari tersebut menjadi hari kelepasan am bagi negeri Sabah. Pesta ini disambut dengan acara tari-menari, bersuka-ria dan sebagainya.

Di samping itu, petani Dusun dan Kadazan akan mengadakan upacara 'Magavau' iaitu upacara untuk mengucapkan terima kasih kepada semangat padi (Baambaazon), jika hasil tuaian mereka baik. Jika hasil tuaian tidak memuaskan, upacara itu akan bertukar menjadi upacara memuja semangat padi.

Masyarakat Dusun dan Kadazan memegang kuat kepercayaan semangat padi. Oleh yang demikian, upacara ini mesti dilakukan setiap tahun. Di tengah-tengah sawah padi akan diletakkan batu besar yang dinamakan 'Watu Persumpahan' yang bererti Batu Persumpahan. Tujuannya mengingati sesuatu perjanjian antara orang yang mula-mula membuka sawah itu dengan penunggu sawah. Ini adalah untuk mengelak daripada diganggu oleh penunggu sawah.

Bertenun kain adalah satu perusahaan tradisi bagi masyarakat Bajau. Masyarakat Bajau menenun sutera untuk dibuat pelbagai jenis kain. Kain-kain ini dikenali sebagai Tenunan Tabau. Biasanya kain tenunan ini digunakan untuk membuat kain dasar atau pakaian lengkap. Kain-kain ini sangat diminati kerana corak, warna dan kehalusan tenunannya yang bermutu tinggi. Kebanyakan kain tenunan masyarakat Bajau berwarna kecerahan dan berasaskan konsep tradisi kesenian Melayu Nusantara.

Seni kraftangan di Sabah sudah terkenal di rantau Asia. Ini adalah kerana kehalusan buatannya dan corak yang beraneka. Mutu pembuatannya adalah tinggi, menarik dan sesuai dijadikan hiasan. Barang-



barang kraf tangan ini dibuat daripada bahan-bahan tempatan seperti buluh, rotan, kayu dan sebagainya.

Kebanyakan perusahaan ini diusahakan secara tradisi. Kraf tangan Sabah ini dicipta hasil daripada ilham dan interaksi penduduk dengan alam semula jadi. Antara hasil kraf tangan masyarakat Kadazan ialah bongan, berait, tangkob dan kekurongan.

Bongan diperbuat daripada pelepah rumbia. Bongan digunakan sebagai tempat mengangkut barang. Rotan digunakan sebagai pengikat. Di atas bongan ditutup dengan alat yang tidak dapat ditembusi air.

Berait pula diperbuat daripada rotan. Orang Kadazan menggunakannya semasa pergi memburu binatang-binatang liar di hutan. Wakid pula diperbuat daripada buluh yang telah dibelah kecil-kecil. Wakid digunakan oleh masyarakat Kadazan untuk membawa bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran, ikan, buah-buahan dan sebagainya.

Tangkob adalah sejenis kraf tangan yang diguna oleh masyarakat Kadazan sebagai tempat menyimpan

padi yang sudah diceraikan daripada tangkainya. Tangkub diperbuat daripada kulit kayu dan diikat dengan rotan.

Kekurongan pula diperbuat daripada buluh yang telah dianyam seperti raga. Kekurongan digunakan untuk membawa binatang kecil seperti burung, ayam dan itik.

Kebanyakan tarian tradisi Sabah telah banyak dipersembahkan kepada masyarakat umum melalui persembahan pada majlis-majlis kesenian dan sebagainya. Sabah mempunyai 83 jenis tarian tetapi hanya 53 jenis tarian telah dipertunjukkan dan dibukukan. Selebihnya tidak dapat dipersembahkan kecuali pada hari kebesaran suku kaum itu.

Tarian-tarian tradisi ini adalah daripada 23 suku peribumi. Antara tarian-tarian yang terkenal di Sabah ialah Sumazau, Sumayau, Buluh, Limbai, Adai-Adai dan Magunatip.

Tarian Sumazau adalah tarian tradisi orang Kadazan. Biasanya tarian ini dipertunjukkan pada hari keramaian, majlis perkahwinan, di pesta-pesta dan

sebagainya. Penari-penari akan memakai pakaian berwarna hitam. Penari lelaki akan memegang daun 'silad' yang telah dikeringkan.

Penari perempuan pula memakai selendang pada bahu. Pada zaman dahulu tarian ini dipersembahkan ketika hendak menyambut kepulangan pahlawan dari medan perang. Pemburu yang balik dari memburu kepala akan disambut dengan upacara makan besar. Kepala-kepala tadi akan diikat dengan daun 'silad' dan dibawa menari. Ini dilakukan sebagai tanda penghormatan kepada roh yang terkorban.

Tarian Sumayau pula dipersembahkan ketika menyambut hari mengaji atau Mengahau dalam bahasa Dusun. Tarian ini bukan untuk bersuka ria. Ini adalah majlis yang diadakan besar-besaran selama lima hari. Seekor kerbau, tiga ekor ayam dan tujuh karung beras dikorbankan sebagai makanan dan sedekah.

Tujuan upacara ini untuk menjamu semangat Gusi. Gusi ialah sejenis tempayan besar. Ini bertujuan untuk mengingati keluarga yang telah meninggal dunia dengan harapan roh si mati akan mendapat rahmat.

Tarian Buluh pula adalah sejenis tarian tradisi suku Kwijau yang tinggal di daerah Keningau. Penari terdiri daripada penari-penari wanita. Mereka akan melompat-lompat mengikut irama buluh yang dimainkan oleh orang lelaki. Penari mesti cekap memainkan gerakan kaki mereka. Alatan yang digunakan untuk tarian ini adalah gong dan buluh. Gong dan buluh akan diketuk untuk menghasilkan tempo.

Tarian Magunatip pula adalah tarian tradisi suku Murut yang tinggal di bahagian Pedalaman Sabah. Tarian ini tidak boleh dipersembahkan dengan sewenang-wenangnya. Tarian ini hanya boleh dipertunjukkan pada masa tertentu sahaja seperti semasa mengubati orang sakit.

Pada hari pertama pengubatan, tarian ini akan ditarikan. Alat-alat muzik akan dibunyikan pada hari kedua. Mereka percaya jika tarian ini ditarikan secara sembarangan, orang yang melakukannya akan mendapat bencana seumur hidup.

Betitik adalah sejenis permainan muzik tradisi masyarakat Bajau. Permainan muzik tarian ini hanya dipersembahkan pada majlis-majlis perkahwinan. Ini

adalah kerana muzik ini bercorak hiburan sahaja.

Biasanya betitik dipersembahkan seminggu sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan. Tujuan adalah untuk memeriahkan suasana rumah pengantin. Betitik akan dimulakan selepas waktu Isyak. Muzik juga dimainkan untuk mengiringi persembahan tarian.

Sabah mempunyai khazanah alat-alat muzik tradisional yang unik. Kebanyakan alat-alat muzik masyarakat Sabah diilhamkan daripada alam sekitar.

Walaupun banyak alat-alat muzik moden telah diketengahkan namun masyarakat peribumi Sabah masih menggunakan alat-alat muzik tradisional ini untuk mengiringi tarian atau nyanyian. Antara alat-alat muzik tradisional Sabah ialah Sompotan, Sundatang dan Tongkungan.

Sompotan adalah alat muzik yang mengeluarkan bunyi yang hampir sama dengan Bag Pipe. Bag Pipe ialah alat muzik orang Scotland. Sompotan diperbuat daripada lapan batang belahan buluh dan sebiji labu kecil. Labu kecil itu hendaklah dikeringkan serta

dipotong tepinya. Hujung labu yang tajam akan dijadikan tempat meniup.

Sundatang pula adalah alat muzik yang berbentuk seakan-akan Gambus Melayu. Alat muzik ini mempunyai dua atau tiga helai tali panjang. Tali ini diperbuat daripada loyang atau gentian pokok kelapa. Tali ini akan menghasilkan irama yang perlahan dan beralun-alun apabila dipetik.

Tongkungan sejenis alat muzik yang diperbuat daripada buluh. Buluh diambil pada persambungan buku. Alat muzik ini mempunyai lapan utas tali. Tali-tali ini dibuat dengan membelah kulit buluh. Sepotong kayu kecil akan disisipkan di bawah kedua-dua hujung belahan buluh tadi hingga tegang. Jika tidak tegang, tali ini tidak akan mengeluarkan irama yang beralun-alun.

### **Tempat-tempat yang Menarik**

Keistimewaan Sabah bukan sahaja terletak pada kegiatan pertanian dan ekonomi tetapi juga pada keindahan alam semula jadinya. Sabah mempunyai kawasan pantai yang panjang dan menarik.

Antara pulau-pulau yang menarik di Sabah ialah Pulau Sipadan dan Pantai Manis. Pulau Sipadan terletak di Semporna. Pulau ini terkenal dengan kawasan perkelahan dan tempat mencari batu karang di dasar laut. Oleh sebab itu, Pulau Sipadan ini merupakan salah sebuah tempat menyelam yang terbaik di dunia.

Orang ramai biasanya akan mengunjungi pulau ini pada hujung minggu untuk berkelah dan berehat. Keistimewaan pusat pelancongan di sini adalah pusat ini terapung di permukaan laut dan disambung dengan sebuah jambatan sepanjang 600 meter.

Pantai Manis mempunyai pantai yang bersih, berpasir dan dijaga dengan baik. Pantai Manis sesuai dijadikan tempat perkelahan dan berehat di hujung minggu.

Di Sandakan juga terdapat banyak tempat yang menarik yang harus dilawati oleh pelancong. Suatu yang amat menarik di sini, kekayaan dan keindahan Sandakan dipamerkan di pusat pameran hutan. Di sini terdapat Rumah Orkid Sandakan yang sungguh menarik dan mempesonakan. Pelbagai jenis bunga

orkid yang beraneka warna dan bentuk terdapat di sini.

Di sini juga terdapat Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok. Pusat ini terletak 24 kilometer dari bandar Sandakan. Pusat ini adalah satu tempat khusus untuk pemeliharaan orang utan yang terbesar di dunia.

Orang Utan ini dipelihara dan bebas berkeliaran. Pusat pemulihan ini diadakan supaya orang utan di negeri ini tidak pupus.

Di samping itu, Sandakan juga terkenal kerana terdapatnya Gua Gomantong. Gua ini terkenal kerana terdapat sarang-sarang burung pada bumbung gua. Masyarakat Cina amat menggemari sarang burung ini sebagai makanan yang berkhasiat. Mereka percaya dengan meminum air sarang burung ini dapat mengekalkan kesihatan mereka.

Selain Gua Gomantong, Gua Madai yang terletak 100 kilometer dari Lahad Datu juga terdapat banyak sarang burung. Sarang-sarang ini dipungut dua kali setahun. Sarang burung merupakan hasil utama penduduk daerah ini.



Gunung Kinabalu adalah lambang keindahan dan kemegahan bumi Sabah. Oleh sebab itu, nama Kinabalu diabadikan menjadi nama bandar ibu negeri Sabah. Kemuncak Kinabalu kelihatan pada masa awan tidak melitupi ruang langit. Kini Gunung Kinabalu menjadi gunung kebanggaan rakyat Malaysia.

Di lereng gunung ini terdapat bunga Rafflesia. Bunga Rafflesia merupakan bunga yang paling besar di dunia. Rafflesia sungguh unik kerana ianya tidak berdaun dan bertangkai.

Di samping itu juga, terdapat rumpun-rumpun bambu yang disebut 'poring' oleh suku Dusun. Buluh ini mengeluarkan rebung sebesar betis gajah.

Terdapat juga taman di Sabah yang dikenali sebagai Taman Kinabalu. Di taman ini terdapat kemudahan tempat penginapan. Jalan menuju ke taman ini adalah berliku-liku. Pelancong boleh menaiki kenderaan atau mendaki gunung jika hendak pergi ke taman ini. Di sepanjang perjalanan, banyak kampung dan pekan kecil akan ditemui. Pekan-pekan kecil ini dijadikan tempat perdagangan penduduk setempat.

Taman Negara Tunku Abdul Rahman terletak di kaki Gunung Kinabalu. Taman ini merupakan kawasan hutan yang tertua di dunia. Taman ini amat sesuai dijadikan tempat pengembaraan kerana terletak di bawah bayangan gunung. Udara di sekeliling taman ini sungguh menyegarkan.

Kawasan seluas 275 kilometer persegi ini menjadi habitat pelbagai jenis burung dan binatang liar. Selain burung dan binatang liar, taman ini juga menghasilkan bunga yang beraneka warna dan corak. Bunga-bunga ini sukar ditemui di tempat-tempat lain.

Di taman ini juga terdapat sebuah kawasan yang dinamakan 'Kebun Bunga di Jalanan Penemuan'. Kebun bunga ini mengandungi lebih 300 jenis bunga anggerik dan paku-pakis. Tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar di sini hidup subur dan terpelihara kerana adanya jagaan daripada pihak perhutanan.

Selain pantai-pantai yang cantik, Sabah juga mempunyai perkampungan yang menarik iaitu kampung air. Kampung Air ini terdapat di mana-mana sahaja di bandar atau pekan di negeri Sabah. Biasanya kampung ini terletak di tepi pantai. Kampung ini me-

rupakan satu kelompok rumah-rumah yang bersambung antara satu sama lain dengan menggunakan titi papan.

Penghuni kampung air ini terdiri daripada pelbagai suku kaum. Kebanyakan mereka bekerja sebagai guru, kerani, pedagang, buruh dan lain-lain. Daripada pemerhatian, rumah-rumah kampung air di Kota Kinabalu adalah lebih baik dan moden daripada rumah-rumah kampung air yang lain.

Rumah kampung air ini biasanya bertiangkan batu dan beratapkan zink. Kedudukan rumah teratur dengan keadaan sekelilingnya yang bersih.

Di samping kampung air, Sabah juga istimewa kerana adanya Pasar Tamu. Pasar Tamu merupakan Pasar Terbuka yang diadakan sekali seminggu berselang pada setiap pekan. Hampir semua bandar dan pekan-pekan utama di negeri ini mengadakan Pasar Tamu.

Di Pasar Tamu, kita boleh dapati pelbagai jenis barangan keperluan rumah seperti sayur-sayuran, ikan, daging, buah-buahan dan sebagainya. Pasar Tamu

yang terbesar dan terkenal di Sabah ialah di Kota Belud, iaitu sebuah pekan kecil di Pantai Barat. Penduduk Kota Belud kebanyakannya daripada suku kaum Bajau. Mereka menjadikan Pasar Tamu sebagai tempat pertemuan. Di samping membeli-belah, mereka juga dapat bertemu dengan kawan-kawan dan saudara-mara.

Antara bangunan-bangunan yang menarik di Sabah ialah Masjid Negeri Sabah dan Kompleks Yayasan Sabah. Masjid Negeri Sabah merupakan masjid yang terindah di rantau Asia Tenggara. Pembinaan masjid ini memakan belanja RM15 juta. Masjid yang dibina di kawasan seluas 14.5 ekar persegi ini terletak dekat Kampung Sembulan, Kota Kinabalu.

Apa yang menarik pada masjid ini ialah kubah besarnya. Kubah ini berukuran 40 meter tinggi dengan garis lilit 22 meter. Kubah ini merupakan yang terbesar di dunia. Tingginya menara masjid ini ialah 62.5 meter. Menara masjid ini mempunyai tiga pelantar dengan puncak bersalut monasik keemasan.

Selain itu, terdapat juga enam belas buah kubah kecil. Kesemua kubah bersalut monasik keemasan



*Pasar Tamu di Sabah*


juga. Di puncak menara, terukir bulan sabit dan bintang, lambang agama Islam.

Di kawasan masjid ini terdapat sebuah makam pahlawan yang mengandungi empat belas buah pusara.

Tingkat bawah masjid ini mengandungi dewan pelbagai guna, bilik persidangan, bilik resepsi, bilik Imam dan perpustakaan. Tingkat bawah ini boleh memuatkan 2 000 orang jemaah. Di tingkat satu pula, boleh menampung seramai 4 000 orang jemaah. Antara kemudahan di tingkat satu pula ialah dewan sembahyang dan galari untuk wanita.

Kompleks Yayasan Sabah merupakan bangunan tinggi yang pertama di Asia. Bangunan mempunyai lantai 'column-free' yang bergantung di atas sandaran keluli. Kompleks setinggi 30 tingkat ini merupakan bangunan ibu pejabat Yayasan Sabah. Bangunan Yayasan Sabah ini terletak di Teluk Likas di pinggir kawasan perbandaran Kota Kinabalu.

Kompleks ini mengandungi sebuah auditorium yang boleh menampung 1 500 orang, sebuah dewan per-



*Kompleks Yayasan Sabah dianggap bangunan paling menarik di Malaysia*

sidangan, perpustakaan penyelidikan, dewan pameran, panggung kecil, restoran berpusing, ruang sivik dan tempat letak kereta bawah tanah. Disebabkan kompleks ini dianggap sebagai yang paling menarik di Malaysia, kompleks ini menjadi kemegahan rakyat Sabah.

## **Penutup**

Sabah, Negeri Di Bawah Bayu pesat membangun. Keindahan alam semula jadi dan keunikan adat kebudayaan rakyatnya memikat ribuan pelancong untuk mengunjungi Negeri Sabah.

Gunung Kinabalu, Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Pasar Tamu, Pesta Menuai, Tarian Sumazau dan Kompleks Yayasan Sabah antara imej Sabah yang menjadi kebanggaan rakyatnya. Semua ini hanya boleh ditemui di Sabah. Ini menjadikan Sabah antara negeri yang menarik di Malaysia.